*Proceeding of International Seminar On Tarbiyah 2017,*
*Institut Agama Islam Negeri Bukittinggi, Indonesia*
17 – 20 Oktober 2017 **eISBN: 978-967-2122-55-5**

# ELEMEN TAKWA, IBADAH DAN AKHLAK DALAM SIFAT AMANAH MENURUT AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

Sahlawati Abu Bakar[1], Mariam Abd. Majid[1], Nurzatil Ismah Azizan[1],
Aza Shahnaz Azman[1], Mazlina Che Malik[1]

[1]Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
*sahlawati@kuis.edu.my*

**Abstrak:** Kertas kerja ini akan membincangkan mengenai elemen-elemen yang terdapat dalam sifat amanah yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Hasil kajian mendapati elemen takwa, ibadah dan akhlak menyumbang kepada sifat amanah yang sempurna. Manakala setiap elemen tersebut juga mempunyai nilai-nilai yang lebih terperinci. Elemen takwa terkandung di dalamnya nilai taat, amar ma'ruf dan nahi munkar. Elemen ibadah mengandungi nilai solat dan puasa. Elemen akhlak mengandungi nilai adil, menepati janji, jujur, menjaga kerahsiaan, malu, simpati, kasih sayang dan berilmu.

**Kata kunci:** amanah, al-Quran, hadis, takwa, ibadah, akhlak

## 1.0 PENDAHULUAN

Amanah adalah sesuatu yang dipercayakan kepada orang sebagai contoh diserakan sesuatu untuk disimpan. Andi (2015) mendefinisikan amanah adalah tanggungjawab yang diterima oleh seseorang setelah diberi kepercayaan untuk melaksanakan kerja seperti yang di minta tanpa menghiraukannya. Apabila tanggungjawab tersebut dilakukan dan kepercayaan yang diberikan dapat dilihat, maka seseorang itu akan merasa dirinya aman, selamat dan tenteram. Amanah adalah satu tanggungjawab yang diberikan sebagai satu prinsip untuk tidak mengambil kesempatan dengan menggunakan pengaruh dan kuasa yang sedia ada (Mumtaz, Norzaini & Mohammed Sani, 2010).

Nilai amanah adalah penting bagi setiap orang dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan kepadanya. Apabila seseorang pekerja memiliki sifat amanah tersebut, maka akan lahirnya kualiti kerja yang baik. Namun demikian, sifat amanah ini perlu mengikut landasan yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah agar memperolehi kesejahteraan dan keberkatan dalam kehidupan seharian. Apabila seseorang itu memiliki sifat amanah dalam dirinya, ia secara tidak langsung telah mewujudkan aura positif kepada pekerja sekeliling mereka dan ini secara automatiknya akan mempengaruhi pekerja lain untuk mempunyai sikap amanah.

## 2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen sebagai metodologi kajian. Dokumen adalah salah satu komponen penting dalam pengumpulan data. Data yang tersedia dalam dokumen seperti kitab-kitab tafsir dan syarah hadis memberi banyak input yang diperlukan. Malah dokumen-dokumen seperti itu yang kaya dengan data akan dapat mengurangkan kerja tanpa perlu menyediakan tugasan tambahan. Menurut Bernard (1988), tiada sebab untuk mengumpul data baru jika terdapat maklumat daripada dokumen yang diperlukan untuk menjawab soalan kajian. Untuk menganalisis data, penyelidik akan menggunakan kaedah bertema. Kaedah analisis bertema adalah satu kaedah asas untuk menganalisis kajian kualitatif (Braun & Clarke, 2006).

## 3.0 DAPATAN KAJIAN

Pembolehubah dikenalpasti melalui ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis yang menjelaskan mengenai ciri-ciri amanah. Perkataan amanah disebut sebanyak enam kali dalam enam ayat yang berbeza di dalam al-Quran. Ayat-ayat ini menyentuh mengenai konsep dan ciri-ciri amanah:

i. Surah Al-Ahzab ayat 72
ii. Surah Al-Anfal : ayat 27
iii. Surah al-Ma'arij ayat 32
iv. Surah al-Mu'minun ayat 8
v. Surah al-Nisa' ayat 58
vi. Surah al-Baqarah ayat 283

Manakala hadis-hadis berikut menyatakan mengenai sifat-sifat orang yang amanah serta ciri-ciri amanah.

i. Sahih Muslim, Kitab Iman, No Hadis 206
ii. Ibnu Majah Kitab Fitnah No Hadis 4044
iii. Sunan Abi Daud, Sumpah Dan Nazar, No Hadis 2831
iv. Musnad Ahmad, No 7571
v. Sahih Bukhari, Kitab Wasiat, No 2573
vi. Ibnu Majah, Taharah Dan Sunnah, No 590
vii. Abu Daud, Jual Beli, No 3067
viii. Abu Daud, Kitab Sunnah (Dalil Iman Bertambah Dan Berkurang), No 4068
ix. Abi Daud, Adab (Menyampaikan Pembicaraan), No 4225
x. Abi Daud, Adab (Menyampaikan Pembicaraan), No 4226
xi. Sahih Muslim, Zakat, No 1699
xii. Sunan Abi Daud, Bab Adab, No 4337

 **eISBN: 978-967-2122-55-5**

## 4.0 PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan mengenai pembolehubah serta item pengukuran dan indikator yang dikeluarkan daripada tafsiran ayat-ayat amanah dan syarah hadis. Ianya dipaparkan dalam jadual berikut:

| Variables | Constructs and Operationalized Operation | Item Measurement | Indicators | Adapted Sources | Level of Measurement | Scale | Data Analysis |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| IV<br><br>IV I Takwa | Takwa:<br>Melaksanakan amalan kebaikan dan memastikan dirinya tidak melakukan perkara-perkara yang dilarang bagi mengelakkan diri daripada terjerumus kepada kemurkaan dan hukuman azab Allah SWT.<br>Sifat takwa kepada Allah SWT berupaya melindungi dan membentengi diri daripada | 1. Taat:<br>Patuh kepada segala perintah Allah kerana Allah adalah Tuhan yang wajib disembah | Saya takut kepada Allah SWT<br>Saya meyakini kuasa Allah<br>Saya sentiasa memastikan diri saya melakukan perintah Allah SWT<br>Saya melakukan semua amalan kerana Allah SWT | Al-Baqarah:283<br>Hadis | Ordinal | 5 Skala kepercayaan<br>1. Sangat tidak benar mengenai diri saya<br>2. Tidak benar mengenai diri saya<br>3. Saya tidak pasti mengenai diri saya<br>4. Benar mengenai diri saya<br>5. Sangat benar mengenai diri saya | |

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | kemungkaran serta sentiasa melakukan amalan soleh serta menzahirkan budi pekerti yang mulia | 2. Amar ma'ruf: mengerjakan perkara yang diwajibkan | Saya sedar perbuatan yang baik akan mendapat balasan yang baik dari Allah<br>Saya menegur rakan yang meninggalkan solat<br>Saya mengajak rakan solat berjemaah<br>Saya sentiasa memastikan makanan yang saya makan adalah halal<br>Saya sentiasa menutup aurat sebagaimana yang diwajibkan di mana sahaja saya berada<br>Saya melakukan tugas yang dimanahkan pada saya dengan baik<br>Saya hanya melakukan tugas rasmi pada waktu kerja | Al-Quran<br>Al-hadis | Ordinal | 5 Skala kepercayaan<br>1. Sangat tidak benar mengenai diri saya<br>2. Tidak benar mengenai diri saya<br>3. Saya tidak pasti mengenai diri saya<br>4. Benar mengenai diri saya<br>5. Sangat benar mengenai diri saya | |
| | | 3. Nahi munkar: meninggalkan perkara yang diharamkan: | Saya akan mendapat balasan daripada Allah jika ingkar terhadap perintahNya.<br>Saya akan memerangi perkara yang tidak baik yang berlaku di depan mata saya<br>Saya menjauhkan diri daripada perkara yang memberikan kesan negatif kepada diri saya<br>Saya menjauhkan diri daripada orang yang tidak beretika<br>Saya akan memastikan individu yang melakukan perkara tidak beretika mendapat hukuman yang sewajarnya<br>Saya melaksanakan amanah yang diberikan kepada saya | Al-Quran<br>Al-hadis | Ordinal | 5 Skala kepercayaan<br>1. Sangat tidak benar mengenai diri saya<br>2. Tidak benar mengenai diri saya<br>3. Saya tidak pasti mengenai diri saya<br>4. Benar mengenai diri saya<br>5. Sangat benar mengenai diri saya | |
| IV2<br>Ibadah | Ibadah:<br>Proses menzahirkan keimanan kepada | 1. Solat:<br>Ibadah wajib 5 kali sehari semalam. Ibadah ini adalah | Saya menunaikan solat fardhu lima waktu setiap hari<br>Saya menunaikan solat di awal waktu | Al-Quran<br>Al-hadis | Ordinal | 5 Skala kepercayaan<br>1. Sangat tidak | |

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Allah dalam bentuk perbuatan. | indikator utama dalam menentukan ketaatan kepada Allah. Melalui solat manusia mampu mencegah diri daripada kejahatan dan kemunkaran. | Saya yakin dengan melaksanakan solat, sesorang itu akan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat<br>Saya rasa berdosa kerana tidak menunaikan solat<br>Saya menunaikan solat lima waktu di mana sahaja saya berada<br>Saya menunaikan solat lima waktu walau sibuk dengan tugasan rasmi saya<br>Saya dapat menguruskan masa melalui solat.<br>Saya melaksanakan solat jika mempunyai masa<br>Saya qadha'(ganti) solat yang ditinggalkan<br>Saya yakin solat menghalang saya daripada melakukan perkara maksiat<br>Saya yakin solat mampu meningkatkan integriti terhadap tugas yang diamanahkan | | | benar mengenai diri saya<br>2. Tidak benar mengenai diri saya<br>3. Saya tidak pasti mengenai diri saya<br>4. Benar mengenai diri saya<br>5. Sangat benar mengenai diri saya | |
| | | 2. Puasa:<br>Ibadah wajib pada bulan Ramadhan. Ibadah ini mampu menjadikan manusia menahan diri dari melakukan dosa kepada Allah. | Saya tidak pernah 'ponteng' puasa Ramadhan tanpa keuzuran<br>Saya berpuasa penuh di bulan Ramadhan<br>Saya qadha'(ganti) puasa yang ditinggalkan<br>Saya yakin puasa menghalang saya daripada melakukan dosa<br>Saya berpuasa kerana pada bulan Ramadhan semua umat Islam berpuasa | Al-Quran<br>Al-hadis | Ordinal | 5 Skala kepercayaan<br>1. Sangat tidak benar mengenai diri saya<br>2. Tidak benar mengenai diri saya<br>3. Saya tidak pasti mengenai diri saya<br>4. Benar mengenai diri saya<br>5. Sangat benar mengenai diri saya | |

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| IV3 Akhlak | Akhlak: Sesuatu sifat (baik atau buruk) yang tertanam kuat dalam diri yang darinya terlahir perbuatan-perbuatan dengan mudah tanpa perlu berfikir dan memerhati. | 1. Adil: Meletakkan sesuatu pada tempatnya menepati hak seseorang atau sesuatu, tidak menyebelahi mana-mana pihak dan tidak berat sebelah. Ia bermakna tidak pecah amanah dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan serta melaksanakan tanggungjawab sesuai dengan kehendak bidang tugas yang telah ditetapkan. | Saya memaklumkan kepada pelanggan sekiranya perkhidmatan yang ditawarkan mempunyai kecacatan atau kurang berkualiti<br>Saya akan mengenakan tindakan undang-undang yang sewajarnya mengikut apa yg telah ditetapkan kepada orang awam yang disabitkan kesalahan<br>Saya mematuhi undang-undang dalam kerja saya<br>Saya menerima bidang kerja yang diberikan relevan dengan skop kerja saya<br>Pembahagian kerja yang diberikan adalah adil dalam kalangan pekerja | Al-Quran<br>Al-hadis | Ordinal | 5 Skala kepercayaan<br>1. Sangat tidak benar mengenai diri saya<br>2. Tidak benar mengenai diri saya<br>3. Saya tidak pasti mengenai diri saya<br>4. Benar mengenai diri saya<br>5. Sangat benar mengenai diri saya | |
| | | 2. Menepati janji: Pernyataan atau kesediaan untuk berbuat atau memberi sesuatu. Melaksanakan amanah yang diberikan dengan sebaiknya tanpa ada penyelewengan. | Saya sentiasa berkata benar<br>Saya sentiasa menepati janji bila berurusan dengan orang sekeliling saya<br>Saya faham kesan negatif akibat daripada tidak menepati janji | Al-Quran<br>Al-hadis | Ordinal | 5 Skala kepercayaan<br>1. Sangat tidak benar mengenai diri saya<br>2. Tidak benar mengenai diri saya<br>3. Saya tidak pasti mengenai diri saya<br>4. Benar mengenai diri saya<br>5. Sangat benar mengenai diri saya | |
| | | 3. Jujur: Ikhlas dalam melaksanakan pekerjaan dan jujur tanpa penyelewengan yang tidak | Saya tidak mengharapkan sebarang balasan apabila membantu seseorang<br>Saya akan segera membantu orang yang dalam kesusahan | Al-Quran<br>Al-hadis | Ordinal | 5 Skala kepercayaan<br>1. Sangat tidak benar mengenai | |

 **eISBN: 978-967-2122-55-5**

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | sewajarnya. | Saya tidak akan mengambil barang orang tanpa meminta kebenaran terlebih dahulu.<br>Saya akan melaporkan pada pihak atasan perkara yang tidak beretika di tempat kerja saya<br>Saya melakukan kerja tanpa sebarang penyelewengan. | | | diri saya<br>2. Tidak benar mengenai diri saya<br>3. Saya tidak pasti mengenai diri saya<br>4. Benar mengenai diri saya<br>5. Sangat benar mengenai diri saya | |
| | | 4. Kerahsiaan:<br>Menyimpan maklumat atau apa sahaja yang berkaitan jika ia perlu dirahsiakan dan tidak dibenarkan disebarkan terutama hal-hal sulit. | Saya tidak akan menyebarkan maklumat sulit yang dibincangkan dalam mesyuarat rasmi.<br>Saya merahsiakan urusan rasmi kerja.<br>Saya hanya menyebarkan maklumat rasmi yang dibenarkan sahaja kepada orang lain.<br>Saya bertanggungjawab menjaga kerahsiaan jabatan | Al-Quran<br>Al-hadis | Ordinal | 5 Skala kepercayaan<br>1. Sangat tidak benar mengenai diri saya<br>2. Tidak benar mengenai diri saya<br>3. Saya tidak pasti mengenai diri saya<br>4. Benar mengenai diri saya<br>5. Sangat benar mengenai diri saya | |
| | | 5. Malu:<br>malu untuk melakukan sesuatu yang tidak patuh syariat seperti pecah amanah, penyelewengan | Saya malu melakukan penyelewengan dalam kerja saya.<br>Saya tidak malu mempertahankan perkara yang betul. dalam urusan kerja saya.<br>Saya malu menerima imbuhan tambahan daripada pihak berkepentingan atas kerja | Al-Quran<br>Al-hadis | Ordinal | 5 Skala kepercayaan<br>1. Sangat tidak benar mengenai diri saya<br>2. Tidak benar mengenai diri | |

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | rasmi.<br>Saya malu melanggar etika kerja yang ditetapkan oleh majikan.<br>Saya malu melakukan kesalahan kerja walaupun tidak diketahui oleh orang lain | | | saya<br>3. Saya tidak pasti mengenai diri saya<br>4. Benar mengenai diri saya<br>5. Sangat benar mengenai diri saya | |
| | | 6. Simpati:<br>perasaan belas kasihan, timbang rasa terhadap seseorang atau sesuatu.<br>Dalam kajian ini bermakna belas kasihan kepada seseorang dengan tidak memberikan sesuatu yang bukan haknya. | Saya dapat mengawal perasaan marah dalam menghadapi situasi konflik.<br>Saya mudah membantu rakan sekerja.<br>Saya simpati dengan rakan yang dalam kesusahan<br>Saya membantu rakan sekerja tanpa mengharap balasan | Al-Quran<br>Al-hadis | Ordinal | 5 Skala kepercayaan<br>1. Sangat tidak benar mengenai diri saya<br>2. Tidak benar mengenai diri saya<br>3. Saya tidak pasti mengenai diri saya<br>4. Benar mengenai diri saya<br>5. Sangat benar mengenai diri saya | |
| | | 7. Kasih sayang:<br>Belas kasihan terhadap rakan sejawat dengan memberi haknya dengan betul. Tidak menzalimi dengan menyuruh hal-hal yang menyalahi agama | Saya menegur rakan sekerja yang melakukan kesalahan dengan cara berhikmah<br>Saya menegur rakan sekerja terhadap kesalahan yang dilakukan kerana kasih terhadapnya<br>Saya bertolak ansur menyelesaikan konflik dalam kerja<br>Saya tidak berdendam kepada rakan yang melakukan kesalahan terhadap saya<br>Saya sayang kepada rakan sekerja saya<br>Saya menziarahi rakan sekerja yang | Al-Quran<br>Al-hadis | Ordinal | 5 Skala kepercayaan<br>1. Sangat tidak benar mengenai diri saya<br>2. Tidak benar mengenai diri saya<br>3. Saya tidak pasti mengenai diri saya<br>4. Benar | |

 **eISBN: 978-967-2122-55-5**

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | ditimpa kesusahan | | | mengenai diri saya<br>5. Sangat benar mengenai diri saya | |
| | | 8. Ilmu:<br>Pengetahuan dalam hal berkaitan dunia, akhirat, zahir dan batin. Ilmu dalam kajian ini ialah mengetahui perkara yang salah dan yang benar. Ilmu tersebut dizahirkan dengan amalan. | Saya tahu Al-Quran dan Hadis sebagai sumber ilmu.<br>Saya tahu membezakan yang mana benar dan salah.<br>Saya berusaha untuk mendalami hukum-hakam Islam dengan lebih baik<br>Saya tahu kewajipan menjaga amanah yang diberikan kepada saya<br>Saya mengikuti majlis ilmu untuk menambah ilmu. | Al-Quran<br>Al-hadis | Ordinal | 5 Skala kepercayaan<br>1. Sangat tidak benar mengenai diri saya<br>2. Tidak benar mengenai diri saya<br>3. Saya tidak pasti mengenai diri saya<br>4. Benar mengenai diri saya<br>5. Sangat benar mengenai diri saya | |
| DV:<br><br>Kualiti Kerja Bebas daripada kecacatan. Bebas daripada kesilapan yang menyebabkan ulangan kerja, atau daripada | 1. Pasaran Buruh | Keselamatan Pekerja<br><br>Jaminan bahawa seseorang individu akan diambil bekerja, menerima gaji yang setimpal atau pekerjaannya tidak mempunyai risiko untuk menjadi penganggur | Saya rasa terjamin dengan pekerjaan ini.<br>Saya akan bekerja dengan bersungguh-sungguh untuk menjamin pekerjaan<br>Saya akan memenuhi keperluan SOP kerja yang ditetapkan | Planning for Quality, 2nd edition (1990), Juran Institute<br><br>Beham et al., 2006: 20 | Ordinal | 5 Skala kepercayaan<br>1. Sangat tidak benar mengenai diri saya<br>2. Tidak benar mengenai diri saya<br>3. Saya tidak pasti mengenai diri saya<br>4. Benar mengenai diri | |

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| kegagalan output hasilan, ketidakpuasan hati pelanggan, aduan pelanggan dan lain-lain | | | | | | saya<br>5. Sangat benar mengenai diri saya | |
| | Ganjaran Pekerjaan | Gaji dan faedah<br><br>Gaji - bayaran yang diterima untuk tenaga kerja atau perkhidmatan mengikut kontrak pekerjaan yang telah ditetapkan (jam, setiap hari, atau piecework)<br><br>Faedah<br>Tambahan manfaat/faedah bagi pekerjaan, tambahan dari gaji pokok (pencen, percutian berbayar,elaun kereta,elaun rumah insuran perubatan) yang diberikan oleh majikan yang mempunyai nilai kewangan tetapi tidak menjejaskan kadar gaji asas | Gaji yang saya perolehi sangat memuaskan.<br>Majikan saya prihatin terhadap kebajikan saya.<br>Kenaikan pangkat dilakukan dengan adil.<br>Gaji yang ditawarkan kompetatif<br>Gaji yang saya terima setimpal dengan prestasi kerja saya.<br>Gaji yang saya terima lebih rendah berbanding rakan yang mempunyai kelayakan yang sama di sektor lain. | | Ordinal | 5 Skala kepercayaan<br>1. Sangat tidak benar mengenai diri saya<br>2. Tidak benar mengenai diri saya<br>3. Saya tidak pasti mengenai diri saya<br>4. Benar mengenai diri saya<br>5. Sangat benar mengenai diri saya | |
| | | Ganjaran kerja intrinsik<br><br>Ganjaran intrinsik pula ialah ganjaran yang bukan berbentuk kewangan iaitu seperti penghargaan, kebebasan menggunakan idea dalam melaksananakan tugas, penghormatan dan sanjungan.<br>Ia terdiri daripada dorongan dan minat individu bagi melakukan sesuatu aktiviti tanpa mengharap ataupun | Saya dapat menggunakan kemahiran dan kebolehan saya dalam pekerjaan.<br>Saya berpeluang mempertingkatkan keupayaan diri.<br>Saya diberi kebebasan untuk menggunakan idea dalam melaksanakan tugas yang diberikan.<br>Saya dipuji apabila melakukan kerja dengan baik.<br>Saya mendapat kepuasan diri apabila melakukan kerja dengan baik.<br>Majikan menghargai kerja saya. | Zaini Jamaludin, Muhammad Zhafir Zawawi, 2014<br><br>Kalleberg and Vaisey, 2005; Huang and Vliert, 2002 | Ordinal | 5 Skala kepercayaan<br>1. Sangat tidak benar mengenai diri saya<br>2. Tidak benar mengenai diri saya<br>3. Saya tidak pasti mengenai diri saya<br>4. Benar mengenai diri saya | |

 **eISBN: 978-967-2122-55-5**

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | meminta ganjaran | | | | 5. Sangat benar mengenai diri saya | |
| | Pekerjaan itu sendiri | Skil<br><br>kecekapan untuk melaksanakan tugas-tugas tertentu dengan baik<br><br>pengukuran bagi skil boleh dilihat melalui kelayakan, tempoh pendidikan, pengalaman pekerjaan dll | Saya dapat melakukan kepelbagaian kerja dalam tugasan yang diberikan.<br>Saya menguruskan waktu kerja dengan efektif.<br>Saya berupaya untuk menyelesaikan tugasan yang diberikan dalam masa yang ditentukan.<br>Saya menyuarakan pendapat dengan jelas dan yakin.<br>Saya berupaya mengekalkan prestasi kerja walaupun dalam tekanan. | Green, 2006 | Ordinal | 5 Skala kepercayaan<br>1. Sangat tidak benar mengenai diri saya<br>2. Tidak benar mengenai diri saya<br>3. Saya tidak pasti mengenai diri saya<br>4. Benar mengenai diri saya<br>5. Sangat benar mengenai diri saya | |
| | | Intensiti kerja<br><br>Beban kerja yang dilakukan<br><br>tekanan masa, beban kerja, tarikh akhir yang ketat, bekerja lebih keras, dan masa yang panjang dan unsocial working hours.<br><br>is found to have harmful implications for the family-life balance | Saya mempunyai banyak bebanan kerja yang perlu dilaksanakan dengan sempurna dalam satu masa.<br>Saya bertindak pantas untuk menyelesaikan kerja saya.<br>Orang yang bekerja dengan saya mengambil kesempatan ke atas saya. | (Olsen and Dahl 2009). | Ordinal | 5 Skala kepercayaan<br>1. Sangat tidak benar mengenai diri saya<br>2. Tidak benar mengenai diri saya<br>3. Saya tidak pasti mengenai diri saya<br>4. Benar mengenai diri saya<br>5. Sangat benar mengenai diri | |

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | saya | |
| | | Kuasa dan kawalan kerja<br><br>Kemampuan pekerja untuk membuat keputusan mengenai prestasi tugas, pekerja mesti berupaya untuk menyelesaikan masalah, membuat pertimbangan, dan mengambil tanggungjawab, semua yang memerlukan pengetahuan dan keupayaan | Saya boleh membuat keputusan berkenaan kerja saya.<br>Saya mampu menyelesaikan masalah dalam kerja saya.<br>Saya bertanggungjawab di atas kerja yang ditetapkan. | (Green, 2006). | Ordinal | 5 Skala kepercayaan<br>1. Sangat tidak benar mengenai diri saya<br>2. Tidak benar mengenai diri saya<br>3. Saya tidak pasti mengenai diri saya<br>4. Benar mengenai diri saya<br>5. Sangat benar mengenai diri saya | |

Berdasarkan jadual di atas tiga pembolehubah tidak bersandar(IV) dikeluarkan daripada ayat-ayat al-quran dan hadis iaitu takwa, ibadah dan akhlak. Daripada tiga IV itu dikeluarkan pula item-item pengukuran. Bagi IV takwa item pengukuran yang dikeluarkan ialah taat, amar ma'ruf dan nahi munkar. Bagi IV ibadah item pengukuran yang dikeluarkan ialah solat dan puasa. Bagi IV akhlak item pengukuran yang dikeluarkan ialah adil, menepati janji, jujur, kerahsiaan, malu, simpati, kasih sayang dan ilmu.

Selain IV terdapat satu pembolehubah bersandar(DV) dikeluarkan iaitu kualiti kerja. Bagi DV ini item pengukuran yang dikeluarkan ialah pasaran buruh, ganjaran dan pekerjaan.

 **eISBN: 978-967-2122-55-5**




Kerangka Konseptual

## 5.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya kesemua elemen dan nilai dalam sifat amanah yang dikeluarkan adalah berdasarkan tema-tema yang diambil hasil penelitian tafsiran ayat-ayat al-Quran dan syarah hadis-hadis. Selanjutnya kajian lanjutan akan dijalankan bagi pembinaan konstruk dan instrumen pengukuran sifat amanah.

## 6.0 RUJUKAN

Braun, V. dan Clarke, V. 2006. Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3 (2). pp 77-101.

Zainudin Awang. (2013). *Research Methodology And Data Analysis*. KL UiTM Press.

Sharifah Hayaati al-Qudsy. (2008). Budaya Kerja Cemerlang Menurut Perspektif Islam: Amalan Perkhidmatan Awam Malaysia. *Jurnal PengajianMelayu*, (14).

Fadillah Mansor. (2006). Kualiti Kerja dalam Organisasi: Tinjauan dari Perspektif Pengurusan Islam. Dalam Ab. Mumin Ab. Ghani & Fadillah Mansor, *Dimensi Pengurusan Islam* (m/s: 51-52). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Syahruddin Hj. Awg. Ahmad. (2007). Idea ?Keterbukaan? Di Era Pemerintahan Perdana Menteri Malaysia Kelima: Analisis Struktur, Prosedural Dan Substantial Etika Media Massa. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 9 (1), 47-64.

Zaharah Hassan, Abu Daud Silong & Nazri Muslim. (2009). Kepimpinan Beretika dan Kecemerlangan Organisasi dalam Perkhidmatan Awam. MALIM, 10, 39-52.

Henson, D. (2009). The Role of Integrity in a GXP Environment. *Spring*, 13 (2), 79-86.

Monga, M. (2016). Integrity and its antecedent: a unified conceptual framework of integrity. *The Journal of Developing Areas*, 50 (5), 415-421.

Kramer, R., & Cook, K. (Eds.). (2004). *Trust and Distrust In Organizations: Dilemmas and Approaches*. Russell Sage Foundation. Diambil dari http://www.jstor.org/stable/10.7758/9781610443388

Eikeland, T. B. (2015). Emergent trust and work life relationships: How to approach the relational moment of trust. *Nordic Journal of Working Life Studies*, 5(3), 59-77

Al-Jazairi, Abu Bakar Jabir. 2000. *Aysar al-Tafasir*. Madinah: Maktabah al-‘Ulum wa al-Hikam.

Al-Khalidi, Salah 'Abd al-Fattah. 1997. *Al-Tafsir al-Maudhu’i:Bayna al-Nazhariyah wa al-Tatbiq*. ‘Amman: Dar al-Nafais.

Al-Qardawi, Yusuf. 1993. *Malamih al-Mujtama’ al-Muslim*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Al-Qurtubi, Abdullah ibn Ahmad. 1993. *Al-Jami’ li ahkam al-Quran*. Beirut: Dar al-Kitab al-Alamiyah.

Al-Razi. 1995. *Tafsir al-Razi*. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Tabari, Abi Ja'far Muhammad ibn Jarir. 1987. *Jami’ al-Bayan fi tafsir al-Quran*. Beirut: Dar al-Ma’rifah.

Ibn Faris, Ahmad. 1994. *Mu’jam Maqayis fi al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Kathir, Ismail ibn Umar. 1993. *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Beirut: Dar al-Ma’rifah.